



PESAWAH, Datuk Mohd Saad Saat, 70, melakukan kerja bendang selepas mendapat bekalan air di petak sawah padinya di Permatang Rambai.

40 peratus sawah boleh disemai

Kepala Batas: Kira-kira 40 peratus kawasan tanaman padi di negeri ini sudah mendapat bekalan air manakala selebihnya dijangka menerima bekalan air selewat-lewatnya bulan depan, selain memerlukan bantuan pembenihan awan jika cuaca panas berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar dan Pertanian negeri Dr Afif Bahardin berkata, ketika ini, kawasan tanaman padi di Seberang Prai Utara (SPU) dan Seberang Prai Tengah (SPT) berdepan masalah bekalan air menyebabkan jadual penanaman padi terpaksa disusun semula.

Beliau berkata, jika cuaca panas berterusan, pembenihan awan terpaksa dilakukan terutama di kawasan Sik dan Baling, Kedah kerana air akan masuk ke Sungai Muda di Pulau Pinang dan seterusnya membolehkan petani mengerjakan sawah.

Afif berkata, jika masih tiada hujan dalam masa terdekat, pihaknya berharap Kerajaan Pusat dapat membantu dengan melaksanakan pembenihan awan bagi mengatasi masalah bekalan air bukan saja di Pulau Pinang tetapi juga di Kedah dan Perlis.

“Kos pembenihan awan dianggarkan RM100,000 dan perlu dilakukan di beberapa kawasan di Kedah kerana air akan mengalir ke Sungai Muda di Pulau Pinang sebelum disalurkan ke sawah,” katanya selepas mengadakan mesyuarat dengan pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) SPU, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Pertanian negeri Azhar Ibrahim berkata, pihaknya sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi membantu petani yang terjejas ekoran fenomena El Nino dan berharap tanaman padi musim ini dapat dilakukan secepat mungkin.

“Hasil usaha gigih sejak Mac

lalu, 40 peratus kawasan sawah mendapat bekalan air manakala selebihnya dijangka menerima air bulan depan.

“Di daerah Seberang Perai Selatan (SPS), masalah bekalan air berjaya diselesaikan sepenuhnya dan petani di situ sudah menjalankan aktiviti penanaman padi mengikut jadual ditetapkan,” katanya.

Dalam pada itu, petani Permatang Rambai, Abdul Latiff Yusuff, 69, berkata, dia berharap fenomena cuaca panas beransur pulih supaya penanaman padi disegerakan.

“Fenomena cuaca panas kali ini begitu teruk berbanding tahun sebelum ini hingga kami tidak dapat berbuat apa-apa berikutan masalah bekalan air.

“Namun, kami reda dan berharap jalan penyelesaian yang diambil beberapa pihak dapat membela nasib petani yang terpaksa menanggung kerugian,” katanya.

